

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 43 RABU 25HB. OKTOBER, 1972. 1392 رابو 17 رمضان PERCHUMA



YANG Teramat Berhormat Penasehat Umum D.Y.M.M., Pehin O.K. Laila Setia Bakti Diraja, Dato Seri Laila Utama Awang Isa (kiri) ketika diberi penerangan oleh Pengarah Perubatan, Pehin O.K. Laila Tabib Diraja, Dato P.I. Franks berbuhung dengan bahagian pesakit luar. Di-kanan sekali ia-lah Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara Pg. Haji Abu Bakar.

ISTANA DI-BUKA KAPADA ORANG RAMAI

MENJUNJONG titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, dengan amat sukachita di-umumkan bahawa Istana Darul Hana akan di-buka kapada orang ramai untuk menziarahi dan menguchapkan

Selamat Hari Raya kapada Baginda dan kerabat Diraja sa-lama tiga hari mulai hari raya kedua.

Orang ramai boleh-lah datang ka-Istana mulai jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang.

Penasehat Umum D.Y.M.M. melawat rumah sakit Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Penasehat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Brunei, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Seri Laila Utama Awang Isa telah melawat ka-hospital baru di-Kuala Belait pada hari Khamis lepas.

Semasa lawatan itu, Penasehat Umum itu telah di-iringi oleh Pegawai Daerah Belait, Yang Amat Mulia Pg.

Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Umar, Penulong2 Pegawai Daerah Belait, Awang Jaya bin Abdul Latif, Awang Yahya bin Haji Harris dan Awang Selamat Munaf sa-orang pegawai pentadbir di-Jabatan Penasehat Umum D.Y.M.M.

Penasehat Umum itu telah diberikan penerangan oleh Pengarah Perubatan dan Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Tabib Diraja Dato Dr. P.I. Franks mengenai beberapa bahagian rumah sakit itu.

Keseluruhan projek rumah sakit baru itu di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$13.2 juta. Ia-nya terbahagi kapada blok rumah rakit, rumah jururawat2 dan tempat tinggal bagi pegawai2.

Perengkat pertama projek tersebut meliputi blok rumah sakit utama dan tempat orang2 sakit orang2 sakit otak.

Wad2 di-blok yang bersambong dengan rumah sakit utama dan tempat orang2 sakit otak itu mempunyai 184 buah katil ia-itu 20 bagi pesakit2 pembedahan lelaki dan 18 perempuan, 14 bagi ibu2 yang beranak, 8 bagi pesakit2 alat kandungan, 4 bagi pesakit2 yang menerima rawatan2 intensif, 6 bagi pesakit2 mata dan telinga, 20 bagi perubatan pesakit lelaki dan 18 perempuan, 12 bagi pesakit yang diasingkan dan 12 bagi pesakit2 otak wanita.

Jabatan2 pemulihan anggota, bahagian X-ray dan gigi di-tempatkan di-bahagian yang bersambong dengan tiga blok wad itu. Bilek perkakas2, tempat simpan kereta dan tempat menchuchi pakaian terletak di-belakang bangunan itu.

866 orang chalon masok pereksa M.C.E.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 866 orang chalon akan masok peperiksaan Malaysia Certificate of Education pada 13hb. Nobember.

Sa-ramai 357 dari mereka adalah dari Maktab SOAS, 75 dari sekolah2 private di-Bandar Seri Begawan, 105 orang chalon private dari daerah2 Brunei/Muara dan Tutong, 81 orang chalon private dari Daerah Belait dan 169 chalon dari sekolah2 private di-Daerah Belait.

Sa-ramai 860 orang chalon akan masok peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

Dari jumlah itu sa-ramai 528 chalon dari sekolah2 menengah Daerah Brunei/Muara, 228 chalon private dari daerah2 Brunei/Muara dan Tutong dan yang lainnya ia-lah chalon2 private dari Daerah Belait.

Peperiksaan lisan bagi Malaysia Certificate of Education dan Sijil Pelajaran Malaysia telah diadakan dalam bulan dulu.

Hampir 2,000 orang di-daftar sa-bagai yang berhak menerima zakat fitrah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Hampir dua ribu orang Islam sa-takat ini telah di-daftarkan sa-bagai orang2 yang berhak menerima zakat fitrah dari tiga daerah di-negeri ini.

Sa-ramai 1,563 orang dari Daerah Brunei/Muara, 14 dari Daerah Tutong dan 52 dari Daerah Temburong telah di-daftarkan oleh Amil2 yang dilantek.

Sa-orang juruchapak di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Majlis Ugama Islam meminta kapada Amil2 yang belum lagi menyerahkan pendaftar orang2 yang berhak menerima zakat fitrah itu supaya menghantar ka-Jabatan

tersebut dengan sa-berapa segera.

Juruchapak itu menerangkan buku2 resit telah pun habis di-kirim kapada Amil2 diseluruh negeri dan mereka dikehendaki mengeluarkan resit2 tersebut kapada orang2 yang telah membayar zakat fitrah.

Pembahagian zakat fitrah kapada orang2 yang berdaftar akan di-keluarkan melalui Amil2 di-kawasan masing2 sa-belum Hari Raya nanti.

Sementara itu, pembayaran zakat fitrah di-Seria Barat dari Lurong 5 hingga ka-Jalan Pusing Keliling di-Panaga yang di-jadualkan di-adakan di-Kelab Melayu telah di-ubah ka-Mesjid Pekan Seria.

Orang2 Islam di-kawasan2 tersebut boleh-lah menghantar zakat fitrah mereka ka-Mesjid Pekan Seria pada bila2 masa dalam bulan puasa ini.

**MENDERMA-LAH KAPADA
TABONG PEMBINAAN STADIUM**

UCHAPAN SETIAUSAHA AGONG JAWATANKUASA TERTINGGI PEMBINAAN STADIUM, Y.B. PEHIN ORANG KAYA AMAR DIRAJA DATO SERI UTAMA (DR.) HAJI MOHD. JAMIL AL-SUFRI

DENGAN mendahulukan segala puji2an bagi Allah Subhanahu Wata'ala, selawat dan salam kepada Rasul-Nya Saidina Mohammad s.a.w. serta sekalian sahabat Baginda yang jujur lagi amanah, saya mengambil peluang ini untuk menerangkan serba sedikit mengenai beberapa masa'alah yang di-kemukakan kepada saya oleh orang-ramai berkaitan dengan pembinaan stadium yang sedang giat di-ranchang dan akan di-laksanakan pembinaan-nya oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Saya berharap semoga dengan penerangan ini dapat-lah raayat dan penduduk di-negeri ini lebih memahami akan tanggung-jawab dan sumbangan2 mereka demi membina serta menjayakan terhadap projek yang berkebaikan kepada negara ini seperti yang di-hasratkan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Perkara pertama yang hendak saya sentoh ia-lah menjawab soalan apa-kah pengutipan derma untuk Tabong Pembinaan Stadium ini sudah di-lancarkan atau belum? Jawapan kepada soalan ini ia-lah pengutipan derma untuk Tabong Pembinaan Stadium ini sudah dengan rasmi-nya di-lancarkan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan melalui sabda yang di-lafadzkan-nya dan telah di-hebahkan oleh Radio Brunei pada malam 23hb. September, 1972 ia-itu sempena suket baik hari lahir Duli Yang Teramat Mulia itu. Teks lengkap sabda alu2an pengisytiharan pengutipan derma Tabong Pembinaan Stadium itu telah juga di-terbitkan dalam surat-khabar *Pelita Brunei* keluaran 27hb September, 1972. Saya sukachita memetik sa-bahagian sabda Duli Yang Teramat Mulia itu yang berbunyi seperti berikut:

"Beta dengan penoh tulus ikhlas berseru kepada seluruh raayat serta penduduk negeri ini supaya memberikan kerjasama yang sa-erat2-nya kepada orang2 yang telah di-atorkan melaksanakan usaha yang akan mendatangkannya kebajikan kepada negeri kita Brunei yang di-kasehi ini. Hurlur-lah derma sangkat2 hati dengan di-sertai niat tulus ikhlas laila jujur. Beta penoh harapan dan yakin semangat memuchang2

atau tolong menolong maseh hidup dan akan terus hidup pada sa-tiap raayat dan penduduk Brunei. Semangat ini hendak-lah di-amalkan dengan sabaik2-nya, bukan sahaja untuk pembinaan stadium ini bahkan dalam sa-tiap ranchangan yang bermunafaat yang di-usahakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan. Dengan semangat yang kita warisi turun temurun menghala ke arah kebajikan dengan sifat jujur serta laila amanah yang berpanduan kepada ajaran2 Allah Subhanahu Wata'ala, negara kita Brunei Darussalam yang sama2 kita kasehi ini akan dapat meniti'ati suasana yang lebih ma'mor, aman dan sentosa."

Sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan yang terkenal dengan nama "Arkitek Brunei Modern" itu telah di-lafadzkan dengan penoh tulus ikhlas, dan saya tidak ragu2 yang raayat dan penduduk negeri ini akan menyahut sabda itu dengan penoh kesedaran dan tulus ikhlas juga sa-bagai ristaan raayat kepada sa-orang pembesar negara yang telah berjasa.

Perkara kedua hendak saya terangkan ia-lah saloran2 untuk menyampaikan derma, baik derma dari orang perseorangan mau pun derma dari orang2 sa-chara berkumpulan. Untuk melicinkan pengutipan derma dari orang-ramai ini, Jawatankuasa Tertinggi telah melantik 28 Pengerusi Jawatankuasa2 Kechil yang meliputi seluruh negeri. Lantekan sa-tiap pengerusi itu ada-lah di-sesuaikan dengan bidang jurusan kemahiran atau kedudukan-nya dalam masyarakat. Mithal-nya ada Pengerusi Jawatankuasa Bagi Orang2 Perseorangan ia-itu Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Awang Hussein, ada Pengerusi Jawatankuasa Bagi Dewan Perniagaan China ia-itu Yang Mulia Awang Ong Kim Kee, dan bagi jawatankuasa daerah2 Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong, pengerusi-nya ia-lah Pegawai Daerah masing2. Sa-tiap Jawatankuasa Kechil ada-lah diberi kuasa serta di-galakkan untuk meranchang sa-berapa banyak projek untuk memperoleh derma dari orang-ramai asalkan projek2 tersebut tidak menyalahi peratoran2 ne-

geri yang berkuatakuasa pada masa ini. Sa-kira-nya terdapat keraguan terhadap projek2 yang di-ranchangkan itu, Pengerusi-nya hendak-lah membuat laporan bertulis kepada Setiausaha Agong Jawatankuasa Tertinggi untuk di-pertimbangkan. Walau bagaimana pun, oleh kerana chorak kempen ini melibatkan kerjasama yang aktif dari orang-ramai, sa-tiap Pengerusi Jawatankuasa Kechil ada-lah di-minta supaya melaporkan butir2 lengkap projek masing2 kepada Pengerusi Jawatankuasa Bahagian Iklan dan Tanda Kenangan, beralamat Dewan Bahasa dan Pustaka, supaya projek2 itu dapat di-siarkan kepada masyarakat melalui siaran 'am seperti radio, surat-khabar dan risalah2.

Perkara ketiga ia-lah apakah jenis2 projek yang patut di-ranchang oleh sa-tiap Jawatankuasa Kechil? Sa-belum saya menjawab soalan ini perlu saya jelaskan bahawa projek pembinaan stadium ini ada-lah satu projek jangka-panjang dan akan memakan belanja berjuta2 ringgit. Samada stadium ini akan terbina dalam jangka waktu dua-tiga tahun atau chorak binaan-nya sesuai dengan yang di-hajati, tergan-

tong-lah kepada sambutan dan sumbangan derma dari raayat dan penduduk negeri ini. Tetapi saya perchaya raayat dan penduduk negeri ini ada-lah penoh berazam untuk melihat stadium ini terbina dalam jangka waktu yang sa-singkat2-nya dan chorak binaan-nya ada-lah sesuai dan dapat di-gunakan untuk permainan dan perlawanan sokan antarabangsa. Oleh yang demikian dan untuk menchapai maksud ini, sa-tiap Jawatankuasa Kechil yang telah di-lantek di-seluruh negeri itu patut-lah meranchangkan projek2 pengutipan derma itu sa-chara berperingkat2 ia-itu projek jangka-pendek dan projek jangka-panjang supaya kempen ini terus berjalan sepanjang tahun dan tidak terhenti sa-takat dua-tiga bulan sahaja. Dan patut juga diambil ingatan bahawa projek yang di-ranchang itu hendak-lah di-pelbagaikan ia-itu jangan di-tumpukan kepada satu saloran sahaja kerana ini mungkin mendatangkan kemudharatan kepada orang2 yang di-pintai derma itu. Perkara ini saya serahkan-lah atas kebijaksanaan Pengerusi Jawatankuasa Kechil masing2 yang kebijaksanaan-nya untuk menjayakan pembinaan stadium ini ada-lah di-akui oleh Jawatankuasa Tertinggi.

Sambil kita berusaha bersungguh2 yang di-sertai dengan kejujuran penoh amanah, marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala sa-moga projek pembinaan stadium ini mendapat limpah rahmat dan kurnia-Nya. Amin.

Jadual peraduan bahath sekolah2 Rendah dan Menengah

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Peraduan Bahath antara Sekolah2 Rendah dan Menengah Melayu peringkat Negeri akan di-adakan dalam bulan November depan.

Peraduan yang di-anjarkan oleh Jabatan Pelajaran itu telah pun di-jalankan bulan lalu di-sekolah2 yang telah di-tetapkan untuk memilih johan yang akan mewakili daerah masing2 ka-peraduan peringkat negeri.

Peraduan ka-peringkat negeri antara Sekolah2 Rendah lelaki dan perempuan akan di-mulai pada 22hb. November.

Sekolah yang menjadi johan di-Daerah Temburong akan menemui johan Brunei Tiga bertempat di-Sekolah Melayu Dato Gandi.

Johan Brunei Satu akan menemui johan Brunei Dua di-Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Berakas.

Johan Tutong Satu akan menemui johan Tutong Dua di-dewan Sekolah Melayu Mudah Hashim, Tutong dan sekolah yang menang dalam peraduan

itu akan menemui johan Belait di-dewan Sekolah Melayu Muhammad Alam, Seria pada 27hb. November.

Peraduan antara Sekolah2 Menengah lelaki dan perempuan dari tingkatan satu hingga ka-tingkatan tiga juga akan di-adakan pada 22hb. November.

Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong akan menemui Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria bertempat di-dewan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutong, dan sekolah yang menang dalam peraduan itu akan menemui Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait di-dewan Sekolah Menengah Melayu Muhammad Alam, Seria pada 27hb. November.

Sekolah Menengah Melayu SMJA akan menemui Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan di-dewan Sekolah Melayu Amar Pahlawan, Berakas dan sekolah yang menang dalam peraduan itu akan menemui Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan, Bangar, Temburong bertempat di-dewan Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak pada 26hb. November.

Peraduan akhir bagi memilih Johan Sa-Negeri akan di-adakan pada 30hb. November di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

KITA mengucap shukor al-hamdullilah kerana sa-jauh ini kita umat Islam telah dapat mengerjakan ibadah puasa sa-bagai tanda ketaatan dan kebaktian kita kepada Allah Subhanahu-wataala.

Sa-bagaimana yang tuan2 sama maklum bahawa penchapaian sa-seorang akan sa-suatu itu ada-lah bergantung kepada keikhlasan, kejujuran dan kekuatan diri-nya. Bagitulah juga dengan darjat yang dapat di-chapai oleh sa-seorang dalam mengerjakan ibadah puasa itu tidak-lah sama antara sa-orang dengan sa-orang yang lain, kerana itu ulama2 telah membahagikan orang yang berpuasa itu kepada tiga peringkat sesuai dengan chara bagaimana mereka itu sendiri melakukan-nya di-sepanjang berpuasa itu.

Peringkat yang agak rendah ia-lah **puasa awam**, ia-itu puasa kebanyakan orang hanya dengan chara meninggalkan makan minum dan perkara yang membatalkan sa-chara

Wakil2 Brunei ka-pertandingan membacha Quran antara bangsa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Murni bin Sanai dan Dayang Hajjah Aminah binte Siling telah berlepas ka-Malaysia Barat semalam untuk mewakili negeri ini di-pertandingan membacha Quran antara-bangsa yang akan diadakan di-Kuala Lumpur dari 24hb. hingga 29hb. Oktober.

Tiga orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menyertai mereka. Mereka ia-lah Awang Ahmad bin Haji Ramli, Nazir Sekolah2 Ugama dan Awangku Sabudin bin Pengiran Sapiudin, Pemangku Penolong Nazir Sekolah2 Ugama yang akan mewakili Jabatan Hal Ehwal Ugama dan Dayangku Siti Khatijah binte Pengiran Umar.

Awang Haji Mashud bin Awang Damit, johan membacha Quran sa-negeri bahagian lelaki yang akan mewakili negeri ini di-pertandingan membacha Quran antara-bangsa di-ibu kota Malaysia telah pun meninggalkan Brunei menuju ka-Malaysia Barat awal bulan ini.

Awang Haji Mashud yang juga menjadi johan dalam tahun lepas dan tahun 1965 sekarang sedang menghadhiri satu kursus membacha Quran atas perbelanjaan-nya sendiri di-Seberang Perai Utara.

Beliau ia-lah pembacha Quran Brunei yang pertama menjalani kursus serupa itu dengan perbelanjaan sendiri.

ULAMA2 MEMBAHAGIKAN KAPADA TIGA PERINGKAT ORANG2 YANG MENGERJAKAN PAUSA



KHUTBAH JUMA'AT

"Puasa mendidik dengan amalan yang sama —tidak ada perbedzaan antara pembesar dengan raayat biasa dan antara kaya dan miskin"

yang kasar2 sahaja, tiada lebeh dari itu.

Peringkat kedua ia-lah **puasa khusus** ia-itu berpuasa dengan chara menahan diri dari makan dan minum, memelihara shahwat keinginan, serta mengawal anggota yang zahir seperti mata, telinga, lidah tangan, kaki dan peraj dari melakukan angkara maksiat.

Peringkat ketiga ia-lah **puasa khusus khusus** ia-itu mereka yang berpuasa dengan memelihara perkara2 yang dipelihara oleh kedua2 golongan di-atas tadi serta menjaga

hati-nya daripada terpisong dan menjaga jalan berfikir supaya tidak hanya menurutkan hawa nafsu sa-mata2 kerana dunia hingga melupakan akhirat, sambil hati-nya hendaklah jauh daripada rasa azab, takbor dan lain2 perasaan yang keji. Ini-lah dia sa-tinggi2 darjah orang yang berpuasa di-sisi ahli tarau. Mereka membuat istilah pembahagian ini ia-lah berdasarkan hadith Nabi Mohammad s.a.w. yang bermaksud:

"Apabila engkau berpuasa maka hendaklah juga engkau puasakan pandangan-mu, penglihatan-mu dan lidah-mu

daripada dosa dan melakukan barang haram dan tinggalkan kelakuan menyakiti jiran tetangga, hendaklah berkelakuan merendah diri, lurus dan hormat menghormati dan janganlah di-samakan kelakuan sa-masa berpuasa dengan tiada berpuasa".

Dengan hadith di-atas jelaslah bagi kita betapa besarnya tujuan di-fardhukan puasa sejak zaman purba hingga ka-zaman ini. Hikmat yang terpendam dan hasil yang di-dapati dari kesan perasaan orang yang berpuasa itu tetap sesuai di-amalkan kerana pada keseluruhan-nya berpuasa itu ia-lah untuk membentok jiwa dan peribadi yang tinggi, menanamkan perasaan insaf dan kesedaran dan memper-tegohkan rasa ikhlas dan jujur sa-mata2 kerana Allah, kerana di-kala menunaikan puasa itu kita di-didik dan diasoh dengan amalan yang sama, tidak ada perbedzaan di-antara satu dengan lain, di-antara pembesar2 dengan raayat biasa, antara orang kaya dengan orang miskin, sama2 menahan lapar dan dahaga, menahan hawa nafsu keinginan yang tiada di-haruskan dan sa-bagai-nya. Keadaan perasaan sa-umpama ini hendaklah di-lanjutkan hingga bila2 masa supaya dapat menghasilkan perasaan dan sikap2 yang berfaedah dan berkebaikan.

Mari-lah kita berdo'a mudah2an kita akan sentiasa dalam keadaan waspada dari melakukan perbuatan2 yang di-larang Allah dan sentiasa mentaati dan mengerjakan segala surohan2-nya.

KEMUKA anjorkan peraduan membacha Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kebajikan Maufakat Kampong Burong Pingai Ayer — KEMUKA akan mengadakan peraduan membacha Quran pada 2hb. Nobember terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan di-Daerah Brunei-Muara kerana menyambut Nuzul Al-Quran dan sa-bagai projek tahunan persatuan itu.

Menurut setiasusaha peraduan, Awang Tuah bin Ahmad, peraduan yang di-adakan bagi kali ke-empat itu, tiap2 persatuan boleh menghantarkan sa-orang qari dan sa-orang qariah.

Mereka yang menang tempat pertama, kedua, ketiga dan keempat dalam peraduan membacha Quran Daerah Brunei-Muara baru2 ini, tidak di-benarkan menyertai peraduan tersebut.

Borang2 menyertai peraduan itu, boleh di-dapati dari Awang Tuah bin Ahmad di-Kampong Burong Pingai Ayer atau dari Awang Abu Bakar bin Haji Latif di-Jabatan Kebajikan Masyarakat Bandar Seri Begawan dan ia-nya hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 26hb. Oktober.

empat dalam peraduan membacha Quran Daerah Brunei-Muara baru2 ini, tidak di-benarkan menyertai peraduan tersebut.

NUZUL AL-QURAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan telah mengadakan Majlis sambutan 'Nuzul Al-Quran' di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada malam semalam.

Majlis sambutan 'Nuzul Al-Quran' itu telah di-rasmikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Beberapa acara yang berchorak Ugama termasuk persembahan bacaan ayat2 suci Al-Quran oleh beberapa orang qari dan qariah yang telah mengikuti kursus membacha Al-Quran baru2 ini di-Pasir Mas Kelantan telah di-persembahkan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 25hb. Oktober, 1972 hingga ka-hari Selasa 31hb. Oktober, 1972 ada-lah seperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Matahari Suboh Terbit
25hb. Okt.		12-11	3-29	6-10	7-24	4-33	4-48 6-05
26hb. Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48 6-05
27hb. Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48 6-05
28hb. Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48 6-05
29hb. Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48 6-05
30hb. Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48 6-05
31hb. Okt.		12-10	3-28	6-09	7-23	4-33	4-48 6-05

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

(25hb. Oktober, 1972).

UNTUK TABONG STADIUM

SEMPENA menyambut Hari Raya Idulfitri, Bahagian Melayu Radio Brunei akan mengadakan tiga ranchangan khas yang merupakan lagu2 permintaan untuk sumbangan derma tabong pembinaan Stadium. Ketiga2 ranchangan khas itu sa-lain dari permintaan biasa dan melalui talipon yang merupakan ranchangan biasa sa-tiap Hari Raya, permintaan yang khusus bagi orang2 yang bukan Islam ada-lah merupakan satu pembaharuan.

Pembaharuan yang choraknya berbilang kaum ini akan dapat pula menimbulkan beberapa sudut penting dari segi pengujutan perpaduan rayat sa-lain dari dapat menyelar-lebarkan semangat untuk bersatu dalam mendukung hasrat Duli Yang Maha Mulia yang berkabajikan sa-umpama pembinaan stadium itu.

Tidak shak lagi bahawa ada-lah satu perkara yang penting dalam zaman pembangunan yang lebeh banyak bersandar kemajuan sains dan teknologi sekarang ini, memerlukan dokongan2 semangat yang mahu bekerja dan berusaha di-kalangan semua yang ada dalam negeri. Chita2 atau sa-barang hasrat tidak akan dapat terlaksana dan kerap kali hanya tinggal bagitu sahaja jika semangat mahu bekerja dan berusaha itu tidak ujud. Inisiatif yang positif harus di-laksanakan dengan berani dan gigih, terutama-nya dari golongan2 yang berpengaruh dan dapat memacu bagi penerusan derap langkah yang chergas dan bertena-ga.


Golongan2 yang berpengaruh atau pehak2 yang dapat menjentik perasaan dan mendorong semangat rayat yang tidak terhad kepada satu golongan rayat sahaja, bahkan semua kaum dan perengkat tidak wajar berdiam diri d a l a m dekri2 meminta dan mengharap kerja dan usaha seperti yang ada sekarang ini. Lebeh tegas di-katakan bahawa dalam soal sumbangan untuk derma stadium tersebut telah kedengaran usaha2 dari pehak2 swasta yang sa-bahagian-nya telah pun menyerahkan derma mereka kepada tabong tersebut dan bagitu juga sa-bahagian dari persatuan2 belia dan kebajikan. Dari pehak Jabatan Kerajaan juga telah mula bergerak seperti sumbangan pehak Radio Brunei itu.

Berikutan dengan ini harus pula akan timbul inisiatif dari jabatan2 yang lain. Sa-jauh ini sa-bilangan besar kakitangan dalam jabatan2 Kerajaan telah pun menguhurkan derma sa-angkat2 hati mereka dan harus sa-chara yang diam2 sa-bilangan dari jabatan2 kerajaan yang ada kaitan rapat dengan rayat meranchang untuk mengadakan chara yang lain bagi menambahkan tabong pembinaan stadium itu.

Kesempatan2 yang terluang, seperti tabong pembinaan stadium itu, dari sudut mengukuhkan perpaduan kaum di-negeri ini ada-lah wajar di-penohkan, kerana ia-nya merupakan salah satu jaminan pengukuhan perpaduan itu jika di-timbulkkan lagi chara2 yang berbilang kaum itu.



Sa-orang pekerja Awang Metali sedang menyaring bentok2 chindul melalui sa-jenis ayakan.



Sa-orang pekerja sedang mengendalikan mesin pamarut kelapa.



Ini-lah mesin pengisar tepong beras (dadak).

Sa-telah kerja2 membuat chindul itu sempurna, maka ia-nya di-masukkan ka-dalam plastik yang berukuran kecil dan sederhana untuk di-jual kepada pelanggan2. Yang kecil berharga 50 sen dan yang sederhana satu ringgit. Ia-nya juga boleh di-beli tanpa ayer santan.

BIDANG perniagaan dan per-usahaan merupakan bahagian2 penting dalam perekonomian sa-sebuah negara. Pernah di-persoalkan mengapa orang2 Melayu tidak bagitu banyak bergiat dalam bidang ini. Ada yang mengatakan kurang berminat, ada pula yang men-jalankan usaha yang tidak sunggoh2 dan ada pula yang mengatakan kurang mendapat galakkan atau tidak mempunyai modal.

Bagaimana-pun di-negeri kita ini terdapat juga beberapa orang bumiputera yang menjalankan perusahaan atau perniagaan samada sa-chara kecil2an atau besar2an. Mereka yang kita maksudkan telah pun menunjukkan kebolehan atau kejayaan mereka dalam bidang masing2. Usaha yang telah mereka jalankan sa-lama ini ada-lah menggalakkan dan patut-lah menjadi chontoh kepada bumi-putera yang lain supaya menjalankan perusahaan atau perniagaan sendiri. Dan minggu ini kita akan memperkenalkan salah sa-orang peniaga bumi-putera di-Bandar Seri Begawan.

Kalau kita berjalan2 dekat kawasan BANDSTAND di-Jalan Residency dan berhadapan dengan Rumah Persinggahan Kerajaan di-Bandar Seri Begawan, terdapat sa-bilangan kecil orang2 Melayu menjual berjenis2 makanan yang boleh di-nekmati bukan sahaja oleh orang2 Melayu tetapi juga oleh bangsa2 lain. Kawasan ini selalu saja di-kunjongi oleh pelanggan2 yang ingin menjamu selera.

Di-kawasan BANDSTAND ini kita telah sempat bertemu dengan salah sa-orang daripada peniaga2 Melayu di-situ, ia-itu *Awang Metali bin Abdullah*. Dalam pertemuan itu beliau telah menceritakan sa-chara rengek tentang perniagaan beliau dari mula sa-hingga sekarang.



PENIAGA MELAYU YANG BERSANDAR KAPADA AZAM DAN KEMAHUAN DENGAN MODAL YANG SEDIKIT

HASIL TINJAUAN

AWANG ALIDIN OTHMAN

Awang Metali mula menjalankan perniagaan di-Seria pada tahun 1958. Pada masa itu beliau hanya menjual kueh, bubor dan kopi dengan menggunakan basikal. Sa-lepas sa-tahun perniagaan di-Seria, beliau telah berpindah ka-Bandar Seri Begawan dan meneruskan perniagaan beliau sa-belum lapangan terbang yang ada sekarang di-buka. Sa-hingga sekarang beliau masih lagi berniaga di-Bandar Seri Begawan.

Kemudian pada tahun 1965, beliau telah mendapat tempat untuk berniaga di-belakang gudang lama berdekatan dengan tebing berjual ikan, ia-itu tidak jauh dari steshen menjual minyak. Beliau telah berniaga sa-lama lima tahun apabila kawasan itu di-ambil oleh Kerajaan untuk faedah2 lain.

Sa-telah itu beliau berniaga pula di-sebuah gerai di-belakang pang-gong Boon Pang Baru. Di-gerai itu beliau telah menjual nasi goreng dan mee goreng, satay, chindul, bubor kacang, soto, soup ayam dan kopi. Di-sebelah tengahari pula sa-bagian tambahan beliau menjual chuchut udang. Tetapi gerai itu sekarang sudah di-robok dan di-jadikan tempat penarohan kereta

dan beliau berniaga pula di-kawasan BANDSTAND.

Perniagaan Awang Metali di-usahakan sa-chara bersendirian. Apa yang menarik perhatian kita ia-lah beliau mengusahakan perniagaan-nya ada-lah atas inisiatif beliau sendiri yang ingin mencheburkan diri dalam bidang perniagaan kerana memandangkan kepada bilangan orang2 Melayu yang belum banyak lagi bergiat dalam bidang ini.

Dan dalam memajukan perniagaan-nya beliau tidak ada menerima apa2 bantuan atau galakan dari mana2 pehak. Tat kala memulakan perniagaan dulu pun beliau tidak mempunyai modal yang banyak, hanya sekadar chukop untuk menampung usaha memulakan perniagaan sahaja. Jadi, faktor penting ia-lah azam dan kemahuan beliau yang kuat telah membolehkan beliau meneruskan perniagaan sa-hingga sekarang.

Pada masa ini Awang Metali menjalankan perniagaan mulai jam 9.00 pagi dan di-teruskan sa-hingga barang2 habis di-jual. Untuk memudahkan kerja2 penjualan barang2 itu beliau telah mengambil dua orang pekerja yang terdiri dari orang2 tempatan belaka. Antara hidangan2 yang di-jual ia-lah chindul, bubor kacang, soto dan soup ayam. Di-antara hidangan2 ini, soup ayam merupakan hidangan yang paling menarik minat pelanggan walaupun beliau lebeh terkenal kerana jualan chindul. Bagaimanapun sa-takat ini beliau belum lagi menerima apa2 tempahan untuk majlis2 tertentu.

Sambutan orang ramai lebeh menggalakan sa-masa bulan Puasa ini. Beliau menjual chindul di-dua tempat ia-itu di-kawasan berdekatan dengan BANDSTAND dan di-tebing sungai berdekatan dengan steshen menjual minyak. Dalam bulan Puasa, perniagaan di-mulakan pada jam 3.00 petang. Oleh kerana beliau hanya menumpukan penjualan chindul sahaja, maka beliau tidak menjual barang2 makanan yang lain.

Dalam pertemuan dengan beliau baru2 ini beliau telah menceritakan dengan rengek bagaimana beliau belajar membuat chindul.

Berchakap tentang pendapatan atau keuntungan, beliau menerangkan bahawa bulan Puasa merupakan musim yang paling menguntungkan jika di-bandingkan dengan musim2 yang lain. Pendapatan beliau sa-bulan kalau di-kira sa-chara pukulrata ia-lah kira2 \$600.00 sa-bulan manakala dalam bulan Puasa pula pendapatan beliau meningkat

kira2 \$500.00 atau \$400.00 sa-hari.

Di-samping mengusahakan perniagaan yang ada sekarang, Awang Metali juga menternak ayam sa-chara kecil2an. Hasil dari ternakan ini di-gunakan untuk membuat soup ayam. Jadi beliau tidak perlu membeli ayam di-pasar dan ini juga membolehkan beliau meletakkan harga yang berpatutan.

Untuk memudahkan beliau menjalankan kerja2 perniagaan sa-hari2 beliau mempunyai tempat khas di-rumah untuk memasak dan memproses barang2 yang hendak di-jual. Beliau mempunyai mesin2 yang menggunakan kuasa elektrik seperti mesin2 memproses dadak atau tepong beras dan memarut kelapa yang tiap2 satu berharga \$500.00 dan \$1,000.00. Dengan ada-nya mesin2 seperti ini dapat-lah mempercepatkan lagi kerja2 beliau. Ini memang-lah sesuai dengan zaman sains dan teknologi. Semua barang2 yang hendak di-jual dimasak di-rumah beliau sa-belum di-bawa ka-tempat penjualan. Untok mengangkut barang2 jualan ini beliau tidak menghadapi apa2 masalah kerana ada-nya dua buah kereta kepunyaan beliau sendiri.

Bila di-tanya apa-kah masalah2 yang di-hadapi dalam usaha memajukan perniagaan yang ada sekarang, beliau telah menerangkan bahawa bekalan ayer ada-lah merupakan masalah yang rumit. Ayer kadang2 terpaksa di-angkut dari Bandar Seri Begawan. Tetapi masalah yang lebeh merumitkan pada masa ini ia-lah tempat berniaga yang tetap. Memang tidak kita nafikan kawasan yang ada sekarang agak tidak sesuai dan tidak bagitu teror dan lebeh menyusahkan lagi musim hujan atau angin kencang. Keadaan ini akan mengganggu perniagaan atau dengan sa-chara tidak langsung akan mengurangkan jumlah pelanggan.


Memandang kepada kesulitan2 yang di-hadapi oleh peniaga2 disana, bermakna mereka memerlukan tempat khas yang lebeh sesuai supaya mereka dapat menjalankan perniagaan mereka dengan lebeh teror.

Berchakap tentang masa hadapan, beliau memang berchita2 untok memperbaiki atau memperluaskan lagi perniagaan yang ada sekarang jika di-beri tempat yang tetap dan sesuai untok menjalankan perniagaan.

Kita juga berharap Awang Metali akan terus maju dalam perniagaan beliau dan mengharapkan ramai lagi bumiputera menyertai lapangan ini.



Awang Metali yakin dengan ketekunan-nya.



Awang Metali tidak hanya menjadi "taukey", tetapi juga bersama2 bekerja dengan pekerja2-nya.



Chindul Awang Metali ia-lah yang paling di-gemari ramai. Kelihatan pekerja2 beliau sedang melayan pelanggan2.

MASEH ADA PELUANG UNTUK MENYERTA KELAS2 GULIN-TANGAN DAN TARIAN ASLI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kelas2 gendang gulin-tangan dan tarian asli anjuran Majlis Belia2 Negeri Brunei akan diadakan lagi sa-lepas Hari Raya Puasa.

Kelas2 itu akan di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Sa-orang juruchakap bagi Majlis Belia2 berkata kelas2 tersebut ada-lah terbuka kepada semua belia2 dan persatuan2 kebajikan di-negeri ini dan tujuan mengadakan-nya ia-lah untuk menghidupkan semula kebudayaan dan adat Brunei dan supaya be-

lia2 akan sedar bahawa mereka mempunyai adat resam tersendiri di-negeri ini.

Juruchakap itu berkata pada masa ini ada 30 orang belia kebanyakan terdiri dari wanita yang sedang menyertai kelas tarian asli dan 20 orang pemuda menyertai kelas gulin-tangan.

Beliau berkata belia yang ingin menyertai kelas2 itu di-kehendakki mendapatkan borang2 masuk dari Awang Abdul Wahab bin Tengah di-Jabatan Kebajikan, Bandar Seri Begawan.

Pulang berchuti

BANDAR SERI BEGAWAN. Sa-ramai enam orang penuntut Brunei yang menuntut di-sekolah menengah agama Sultan Zainal Abidin Trengganu akan pulang ka-tanah ayer pada 12hb. Nobember kerana chuti persekolahan.

Mereka ia-lah Awang Yusof bin Umar, Dayang Rashidah binte Haji Abdul Hamid, Dayang Rosnah binte Mohamed, Dayang Bontar binte Jais, Awang Serbini bin Bidin dan Awang Duraman bin Kula.

Sementara itu sa-ramai lapan orang lagi penuntut dari sekolah yang sama akan pulang ka-Brunei pada 3hb. Disember kerana chuti.

Mereka ia-lah Awang Abdullah bin Abdul Rahman, Awang Kassim bin Mohamed, Dayang Tianah binte Damit, Dayang Piah binte Sahat, Awang Kamis bin Ali, Awang Yusof bin Sabtu, Awang Mohamed Kifli bin Mohamed Yassin dan Dayang Rosiah binte Othman.

Pesta Hari Raya di-Pusat Belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Kampong Pandai Besi akan menganjorkan 'Pesta Hari Raya' di-Pusat Belia Bandar Seri Begawan pada 18hb. Nobember.

Acharya2 yang akan di-per-

sembahkan termasuk tarian, nyanyian dan lawak jenaka.

Peraduan nyanyian juga akan di-adakan dan terbuka kepada persatuan2 belia dan kebajikan di-Daerah Brunei-Muara.

Bilangan pelajar2 kelas dewasa yang mengambil pereksa bahasa Inggeris meningkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 727 orang pelajar kelas dewasa akan mengambil peperiksaan bahasa Inggeris mulai 4hb. Disember.

Peperiksaan yang akan diadakan di-24 buah pusat peperiksaan di-seluruh negeri itu di-kekelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa

Sa-ramai 167 orang akan mengambil peperiksaan peringkat primary dua; 213 orang primary empat; 136 primary enam; 141 peringkat tingkatan satu dan 70 orang mengambil peperiksaan tingkatan dua.

Ini ada-lah bilangan terbesar mengambil peperiksaan itu berbanding dengan tahun lalu yang hanya 494 orang.

Tahun ini juga enam kelas baru telah di-tubuhkan, tiga di-Daerah Brunei-Muara, satu di-Kuala Belait dan dua di-Temburong.

Sa-buah sekolah rendah Melayu akan di-bena di-Panaga

KUALA BELAIT. — Kerja2 bagi pembinaan sekolah Rendah Melayu di-Panaga, Daerah Belait akan di-mulakan pada tahun depan.

Pengarah Pelajaran, Dato Awang Malcom McInness menyatakan tender2 bagi menem-bok kawasan pembinaan itu baru sahaja di-buat.

Sekolah yang di-chadangkan itu akan di-bena di-satu kawasan sa-luas lima ekar di-antara Ibu Pejabat Polis Panaga dan jambatan Bailey di-Jalan Tengah.

Dato McInness berkata sekolah yang di-chadangkan itu akan mempunyai enam buah bilek darjah, pejabat2 pentadbir dan empat buah rumah tempat tinggal guru2.

Sekolah itu akan menerima kanak2 yang tinggal di-kawa-

Pembahagian baja kapada peladang2

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Jabatan Pertanian sa-takat ini telah membahagikan2kan 1,230 kampil baja kapada peladang2 di-Daerah Brunei Muara yang sedang menanam padi bagi musim 1972/1973 ini.

Baja2 itu ia-lah jenis Chris-mas Island Rock Phosphate dan Urea yang telah di-berikan perchuma sejak tahun 1968.

Bagaimana pun mulai daripada musim bertanam tahun 1971/1972 yang lalu, baja2 itu telah di-bahagikan dengan di-kenakan bayaran separoh dari harga asal.

Sebab2 ia-nya di-lakukan ia-lah untuk meluaskan lagi ranchangan bantuan jabatan itu, Baja CIRP yang di-gunakan sa-belum mem-indahkan tanaman berharga \$3.00 ia-itu sa-paroh dari harga asal.

Baja Urea yang di-gunakan sa-lepas pemindahan itu berharga \$2.80 juga sa-paroh dari harga asal.

Baja2 itu juga sedang di-bahagi2kan kapada peladang2 di-Daerah Tutong, Temburong dan Belait.

san itu termasuk di-Ibu Pejabat Pulis Panaga.

Pada masa ini kanak2 di-kawasan tersebut belajar di-Sekolah Melayu Mohammad Alam Seria.

Chalun ketua Kampong Senokoh

TEMBURONG. — Penduduk2 Kampong Senokoh, Mukim Labu di-Daerah Temburong telah mem-ileh Awang Muhammad bin Sa-yang sa-bagai chalun Ketua Kam-pung bagi kawasan itu.

Pemilihan chalun Ketua Kam-pung itu telah di-adakan di-Balai Raya Senokoh. Chalun tersebut akan menggantikan Orang Kaya Sura Tuba bin Talib yang akan bersara tidak lama lagi.

Pemilihan itu telah di-pengerusi-kan oleh Pemangku Pegawai Da-erah Temburong, Awang Abu Bakar bin Haji Safar.

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim



KENYATAAN KENYATAAN DAN JAWATAN2 KOSONG

SURAT KUASA PESAKA

No. 94/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Nawi bin Ahmad, Kampong Sungai Besar, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ismail bin Duraman yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak saudara kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 hari-bulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut Bertarikh 18 hari-bulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 104/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dy. Jainan bte. Daud, No. 11,

Sa-bagai Mekenik Tingkatan I

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Mekenik Tingkatan I di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

- Lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau yang sa-banding;
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan sekurang2-nya 5 tahun dan bertugas sa-bagai Fitter/ Mekenik; boleh memperbaiki segala jenis kenderaan darat di-bawah jagaan Jabatan Perubatan dan Kesihatan.
- Berumur di-antara 25 dan 40 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E 1-2 EB 3 — \$220x10-290/EB/300x10-350.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baharu yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat dari 15hb. Nohember, 1972.

Sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah terdiri daripada orang2 Melayu, dan lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut serta sekurang2-nya Daiah VI Melayu. Chalun2 mesti-lah boleh membaca dan menulis tulisan Jawi.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$410x20-510/EB/540x20-660. Gaji permulaan bergantung kapaa kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek sa-lama tiga tahun termasuk masa perhubungan sa-lama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari

Kampong Bakut Si-Raja Muda, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Buntar bin Majid yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 hari-bulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut Bertarikh 18 hari-bulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 107/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Abdul Latif bin A. Rahman, Kampong Lambak, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Raman @ Abdul Rahman bin Md. Tarip @ Ag. Tarip yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 hari-bulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut Bertarikh 18 hari-bulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 108/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Rafiah bte. Damit, Kampong Delima Satu, Jalan Muara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Damit bin Kilong yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-perjawatan tetap sa-lepas satu tempoh perhubungan.

Bakiss:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, bakiss sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bakiss tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei.

Permohonan2 mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 baru yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada-nya tidak lewat daripada 13hb. Nohember, 1972.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 hari-bulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut Bertarikh 18 hari-bulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 110/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Mastul bte. Ahmad @ Norianti, No. 90, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Johari bin Ahmad yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 hari-bulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut Bertarikh 18 hari-bulan Oktober, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 111/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat

oleh Ahmad bin Serudin Batu 24, Jalan Gadong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Mohammad Ja'afar bin Mohammad Serudin yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah adek kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 28 hari-bulan Oktober, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh yang tersebut Bertarikh 18 hari-bulan Oktober, 1972.

ADMINISTRATION SUIT

No. 109 OF 1972.

Application to this Court having been made by Wai Pong Kit, No. 7, Haji Ibrahim Flats, P.O. Box No. 2094, Bandar Seri Begawan, State of Brunei for Letters of Administration to the estate and effects of Cheng Hui Lan late of the State of Brunei deceased, on the ground that applicant is lawful husband of the deceased.

Notice is hereby given that application will be heard in the Court-house at Bandar Seri Begawan on the 28th day of October, 1972, at 9.00 a.m.

All persons claiming to have any interest in the estate of the deceased are hereby required to come and see the proceeding at the time and place above mentioned.

Any person wishing to object to the application may lodge a caveat with the Court of the Probate Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei, before the above date.

Dated this 18th day of October, 1972.

JUALAN LELONG

DENGAN ini di-ma'alomkan kepada orang ramai bahawa jualan lelong bagi barang2 yang tidak bertuan yang di-sebutkan dalam jadual di-bawah ini akan di-adakan pada hari Sabtu, 28hb. Oktober, 1972 mulai jam 9.00 pagi bertempat di-Balai Polis, Bandar Seri Begawan, Brunei:-

JADUAL

Bil. Butir2 Keterangan

1. Dua butir jam tangan Boskorp.
2. Satu butir jam tangan Seiko.
3. Sa-buah strika elektrik Hover.
4. Sa-buah Radio Transistor Captain.
5. Sa-buah Sonny Bag berserta Radio Record Player.
6. Sa-buah Transistor Silver 5 band Radio.
7. Sa-buah Sanyo Radio Cassette Recorder.
8. Sa-buah Sanyo Radio Transistor 5 Band.
9. 4 helai sarong perempuan (baru)
10. Sa-buah Elektrik Hair Clipper.
11. Dua guni arang.
12. Satu guni arang.
13. Sa-buah jam tangan Seiko.
14. Sa-buah jam tangan Mondia.
15. Satu rantai emas.
16. Sa-pasang anting2 emas.
17. Sa-buah jam tangan Castell.
18. Sa-buah jam tangan Roya.
19. Satu gelang tangan emas.
20. Sa-buah Radio Transistor (Pocket).
21. Satu gelang bertatah batu puteh.
22. Satu rantai emas.
23. Satu gelang emas bertatah batu biru.

Penangkap2 lelong yang berjaya hendak-lah membayar dengan tunai saterus-nya memindahkan barang2 itu sa-baik2 saja lelong selesai di-lakukan. Jika barang2 itu tidak di-pindahkan dalam tempoh tersebut wang yang telah di-bayar tidak akan di-balekkan dan barang2 itu akan di-lelong semula.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Brunei.

Bil. (122)A dlm. PPDB/52/64:4.



JURUTEKNIK dalam bahagian X-Ray, Awang Yong Hin Nan sedang menunjukkan penggunaan mesin X-Ray yang baru di-Rumah Sakit Besar Kuala Belait dalam masa lawatan Y.T.B. Penasehat Umum D.Y.M.M. Beliau telah di-iringkan oleh Pengarah Perkhidmatan Perubatan, P.O.K. Tabib Laila Diraja, Dato Dr. Frank dan Pegawai Daerah Belait, Y.A.M. Pengiran Jaya Negara serta Pegawai Perubatan Daerah, Dr. T. Panch.

Lantekan baru Ketua Jabatan dan Daerah2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa, Awang Haji Talib bin Derwish telah di-lantek sa-bagai Pengarah Kerja Raya mulai 4hb. Oktober, 1972 bagi menggantikan Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang R. Waddell yang sedang berchuti untuk bersara.

Yang Mulia Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah di-lantek sa-bagai Pemangku Ketua Pos Agong mulai 14hb. Oktober, 1972 bagi menggantikan Yang Mulia Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim yang juga sedang berchuti sa-belum bersara.

Yang Mulia Awang Abdullah bin Haji Mohd. Ja'afar telah di-lantek sa-bagai Pegawai Daerah Tutong mulai 10hb. Oktober, 1972 bagi menggantikan Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh yang sedang berchuti sa-belum bersara.

Yang Mulia Awang Sidek bin Yahya akan menggantikan Awang Abdullah bin Haji Mohammad Ja'afar, sa-bagai Pegawai Daerah Temburong mulai 1hb. Nohember, 1972.

Kerja2 ka-atas ranchangan bekalan ayer di-K.B. berjalan lancar

KUALA BELAIT. — Kerja2 pembinaan ranchangan bekalan ayer Sungai Belait peringkat pertama yang menelan belanja \$8 juta sedang berjalan lancar.

Satu kenyataan oleh Pejabat Pesuruhjaya Kemajuan menyatakan, bahawa ranchangan tersebut termasuk pembinaan sa-buah steshen pengepam ayer di-Badas; saluran paip ayer dan sa-buah jentera pemberseh di-Seria; saluran2 bagi ayer yang berseh dan tangki2 di atas di-Kuala Belait dan Seria, dan sa-buah kolam ayer di-Sungai Liang.

Kenyataan itu berkata, steshen pengepam ayer mentah dan saluran-nya ka-Seria hampir2 siap dan jentera pemberseh hampir2 dua pertiga kerja2-nya telah siap.

Keria2 pemasangan saluran ayer berseh ka-tangki2 yang ada di-Seria dan ka-kolam ayer yang baru di-Sungai Liang sedang berjalan lancar dan pembinaan tangki2 baru serta kolam ayer hampir2 siap.

Apabila siap, bekalan ayer akan di-sedut dari Sungai Belait sa-masa ayer pasang dan di-pam dari Sungai Badas ka-steshen2 jentera pemberseh di-Seria. Ayer berseh akan di-salurkan ka-tangki2 di atas di-Kuala Belait dan Seria dan ka-

KURSUS ASAS BAHASA MELAYU

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus asas bahasa Melayu bagi pegawai2 kerajaan akan di-adakan di-Sekolah Bahasa Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei di-Perkhidmatan Bolkiah.

Kursus tersebut akan di-adakan dari 20hb. Oktober hingga 1hb. Disember, 1972.

RAD'O BRUNEI AKAN MENGADAKAN TIGA RANCHANGAN UNTUK TABONG PEMBINAAN STADIUM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena menyambut Hari Raya Idulfitri, Perkhidmatan Melayu Radio Brunei akan mengadakan beberapa ranchangan khas.

Di-antara ranchangan2 itu termasuklah tiga ranchangan khas lagu2 permintaan untuk tabong derma pembinaan stadium, ia-itu permintaan biasa, permintaan dari orang2 yang

bukan Islam dan permintaan melalui talipon.

Permintaan biasa akan di-adakan sa-lama tiga hari berturut2, mulai Hari Raya pertama dan ranchangan itu memakan masa sa-lama satu jam.

Di-samping menderma melalui ranchangan itu, orang ramai juga akan berpeluang menyampaikan salam kepada saudara mara dan sahabat handai mereka di-dalam dan di-luar negeri.

Mereka yang ingin menyertai ranchangan itu bolehlah sekarang mengiriskan surat permintaan beserta dengan wang sa-banyak tidak kurang dari satu ringgit bagi tiap2 satu lagu.

Nama2 pemohon dan alamat2 kepada mereka yang di-tujukan mesti-lah di-tulis dengan terang.

Ranchangan lagu2 permintaan menerusi talipon pula akan di-siarkan sa-lama tiga hari yang juga akan di-mulai dari Hari Raya pertama.

Mereka yang ingin mengambil bahagian dalam ranchangan ini mesti-lah mendaftarkan nama terlebih dahulu dan menyatakan nombor talipon serta alamat2 mereka. Bayaran bagi tiap2 satu lagu ia-lah tidak kurang dari \$5.00 dan pendaftaran akan di-tutup pada 31hb. Oktober.

Permintaan dari orang2 yang bukan Islam akan di-siarkan juga sa-lama tiga hari berturut2 mulai Hari Raya pertama dengan bayaran tiap2 satu lagu sa-banyak tidak kurang dari satu ringgit.

Dengan ranchangan itu, maka orang2 yang bukan Islam akan berpeluang memberikan ucapan selamat Hari Raya kepada sahabat2 Islam mereka di-dalam dan di-luar negeri dan lagu2 yang mereka pinta itu ada-lah merupakan lagu2 antara bangsa seperti China, Inggeris, Hindustan, Jepun dan lain2-nya.

Mereka yang berminat dalam ranchangan ini bolehlah menghantar surat permintaan dengan di-sertakan wang yang di-tentukan itu sambil menchatet nama2 permintaan dan orang2 yang di-tujukan lagu2 itu serta alamat2-nya dengan jelas.

Semua permintaan2 itu hendaklah di-alamatkan kepada Pengelola Ranchangan, Bahagian Melayu Radio Brunei.

Mengenai permintaan menerusi talipon, juru2 hebah yang bertugas akan menghubungkan permintaan2 yang telah menchatetkan nombor2 talipon mereka.

Juruchakap Perkhidmatan Melayu berharap supaya mereka itu akan sentiasa berada di-rumah atau di-mana2 sahaja tempat nombor2 talipon yang di-chatetkan supaya ranchangan itu akan berjalan dengan baik-nva.

kolam ayer Sungai Liang.

Perengkat pertama ranchangan itu akan membekalkan tiga juta gilin ayer sa-hari di-Kuala Belait, Seria dan kawasan Sungai Liang.

Sharikat2 Binnie dan Rakan ada-lah merupakan badan penasihat yang merika dan mengawasi kerja2 pembinaannya bagi pehak kerajaan.

Bangunan tambahan hampir siap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerja2 membesarkan Sekolah Menengah Chung Hwa di-Bandar Seri Begawan hampir2 siap.

Bangunan tambahan dekat sekolah yang ada sekarang yang di-bena 10 tahun lalu di-anggarkan menelan belanja \$300,000.00. Bangunan empat tingkat itu mempunyai 20 bilek darjah yang boleh menampung murid2 yang semakin bertambah di-sekolah itu.

Sa-orang juruchakap bagi jawatankuasa pembinaan bangunan sekolah itu berkata, darjah2 di-tingkat ketiga bangunan itu akan di-lengkapkan dengan alat2 mengajar bahasa2 Melayu dan Inggeris.

Chalun Ketua Kampung Amo

TEMBURONG. — Penduduk2 di-Kampung Ulu Biang, Mukim Amo di-Daerah Temburong telah memilih Awang Palong anak Uda untuk di-chalulkan sa-bagai Ketua Kampung tersebut.

Pemilihan yang di-adakan di-Balai Raya di-Kampung Amo itu telah di-pengerusikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abu Bakar bin Haji Safar.

Chalun Ketua baru itu akan menggantikan tempat Awang Uda anak Angit yang akan bersara tidak berapa lama lagi.

SOKONG-LAH TABONG PEMBINAAN STADIUM